



SIARAN AKHBAR

LAWATAN KERJA PUAN YANG TERUTAMA GRACE FU, MENTERI KELESTARIAN DAN ALAM SEKITAR, REPUBLIK SINGAPURA KE SYARIKAT GOLDEN CHICK LIVESTOCK FARM SDN BHD

Hari Selasa, 19hb. Jamadilawal 1444H Bersamaan 13hb. Disember 2022

Bandar Seri Begawan – Puan Yang Terutama Grace Fu, Menteri Kelestarian dan Alam Sekitar, Republik Singapura berserta rombongan, hari ini telah membuat lawatan kerja ke Syarikat Golden Chick Livestock Farm Sdn Bhd di Sungai Petai, Labi, Kuala Belait.

Turut hadir bagi mengalu-alukan rombongan lawatan tersebut ialah Yang Mulia Dayang Hajah Dahliana binti Haji Aliakbar, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Yang Mulia Dayang Hajah Masliana Yuliah binti Abdullah, Pengarah berserta pegawai-pegawai kanan dari Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Program lawatan tersebut bermula dengan ucapan yang disampaikan oleh Awang Ong Chek Thiam, Pengurus Syarikat Golden Chick Livestock Farm Sdn Bhd dan diteruskan dengan sesi lawatan bagi menyaksikan sistem pengeluaran ayam penelur menggunakan sistem reban tertutup.

Syarikat Golden Chick Livestock Farm Sdn Bhd mula mengusahakan perusahaan ternakan ayam penelur pada 04hb. Jun 2016 dan mempunyai 19 orang tenaga kerja. Syarikat tersebut beroperasi atas ladang berkeluasan 14.60 hektar dengan 8 buah reban *layer* dan 2 buah reban *pullet* menggunakan sistem pemeliharaan reban tertutup. Hasil pengeluaran ternakan telah meningkat dari lebih kurang 45 juta biji telur pada tahun 2017 kepada lebih 75 juta biji telur pada tahun 2021. Syarikat berkenaan merupakan salah sebuah syarikat dari tiga syarikat pengeluar utama telur ayam di Negara Brunei Darussalam dan berpotensi untuk mengeksport telur ayam ke Republik Singapura.

/TAMAT

Dikeluarkan oleh:

Unit Pehubungan Awam

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Tarikh: 13hb. Disember 2022M